

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Thursday, April 26, 2018 2:44 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azrain Nasyrh Binti Mustapa
Subject: 200 PELAJAR PENERIMA ANUGERAH DEKAN HADIRI GOTONG ROYONG SESI KE-2



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**

SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

26 April 2018 | 10 SYAABAN 1439H

=====

**UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Yang Berusaha Prof/Prof. Madya/Dr./tuhan/puan

200 PELAJAR PENERIMA ANUGERAH DEKAN HADIRI GOTONG ROYONG SESI KE-2



SBM ONLINE: Seramai 210 pelajar dari jumlah keseluruhan 856 pelajar yang tersenarai sebagai penerima Anugerah Dekan SBM, Semester Pertama 2017/2018 (A171) telah menghadiri sesi gotong royong ke-2 yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pembangunan Holistik Pelajar SBM bertempat di sekitar dalam dan luar bangunan SBM. Para pelajar dibahagikan kepada 20 kumpulan dan setiap kumpulan diselia oleh wakil daripada Uniutama Property Sendirian Berhad (UPSB) dan Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP).

Penolong Naib Canselor COB merangkap Dekan SBM, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah telah merasmikan program tersebut dengan ucapan beliau yang berkisar tentang konsep "gift back" oleh para pelajar setelah mereka menerima pelbagai ilmu serta kemahiran di pusat pengajian sepanjang tempoh pengajian. Selain itu, aktiviti gotong royong ini dilaksanakan bagi tujuan membina karakter positif dan

sikap sayangkan SBM di kalangan pelajar serta tanggungjawab sosial korporat (CSR). Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah mengecat di kawasan bangunan SBM, membersihkan koridor, tandas, menyapu dan membuang daun-daun kering serta mengemas stor pejabat SBM. Ahli Jawatankuasa Pembangunan Holistik Pelajar SBM bersama beberapa orang pensyarah dan staf pentadbiran lain turut serta menghadiri aktiviti gotong royong tersebut. Aktiviti gotong royong disempurnakan dengan penyerahan sijil Anugerah Dekan kepada para pelajar oleh Dekan SBM.

HABIS.

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.